

SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2016



Upacara perasmian



Pada 5 Oktober 2016, majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 peringkat Kedutaan Besar Malaysia di Rom, Itali telah dilancarkan. Sambutan ini telah dirasmikan oleh Duta Besar Malaysia, TYT Dato' Abdul Samad Othman dan dihadiri oleh semua Pegawai Kedutaan dan Kakitangan Ambilan Tempatan (KAT).

TYT Duta Besar di dalam ucapan perasmian beliau menyatakan bahawa inisiatif pihak Kedutaan ini adalah untuk menyahut seruan Dewan Bahasa dan Pustaka bagi menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia bukan sahaja di kalangan pegawai-pegawai Kedutaan tetapi di kalangan KAT. TYT Duta Besar seterusnya menekankan bahawa adalah wajar mempelajari Bahasa Malaysia kerana ianya boleh digunakan apabila berurusan dengan rakyat Malaysia yang datang ke Kedutaan dari masa ke semasa.

Majlis ini dimulakan dengan alunan lagu tradisional Melayu, Gamelan serta paluan Gong, bagi melambangkan adat kebudayaan Malaysia. TYT Duta Besar telah menyampaikan ucapan dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Itali.



Setelah merasmikan majlis tersebut, pihak

Kedutaan menganjurkan kelas komunikasi asas Bahasa Malaysia khusus bagi KAT, untuk memupuk minat mereka terhadap Bahasa Malaysia. Kelas Bahasa Malaysia telah diajar oleh Puan Sukinah Kambali dan diadakan seminggu sekali sepanjang bulan Bahasa Kebangsaan ini. Selain daripada slaid semasa mengajar, KAT dibekalkan nota ringkas asas Bahasa Malaysia sebagai rujukan. Semua KAT melahirkan penghargaan dan terima kasih atas usaha yang dilaksanakan ini. Mereka bersemangat untuk mempelajari Bahasa Malaysia dan diharapkan ianya boleh membantu urusan mereka apabila berhubungan dengan rakyat Malaysia. Bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan ini juga, semua mesyuarat di Kedutaan diadakan dalam Bahasa Malaysia.

Bahasa Jiwa Bangsa



Cikgu Bahasa Malaysia



Kelas sedang berjalan



Apa kata mereka



Amat menarik apabila saya akhirnya dapat memperkenalkan diri dalam Bahasa Malaysia. Hampir 10 tahun berkhidmat di Kedutaan, inilah kali pertama saya menghadiri kelas Bahasa Malaysia. Mempelajari Bahasa Malaysia dapat membantu kerja seharian saya di Kedutaan. Saya berharap kelas dapat diteruskan.

Mrs. Tiziana Matteucci

Kelas Bahasa Malaysia amat menarik dan saya berasa gembira sebab berpeluang mempelajari Bahasa baru. Saya berharap pihak Kedutaan dapat meneruskan kelas ini.

Mrs. Rita Anna Rossi



Saya berpendapat mempelajari Bahasa Malaysia dapat memudahkan interaksi Kakitangan Ambilan Tempatan dan Pegawai-pegawai *Home Based*. Malah, bahasa ini dapat digunakan semasa lawatan rasmi oleh delegasi daripada Malaysia.

Mr. Valerio Brocca



Sudut Puisi

Aku Masih Di sini

*Walau jasad ini
gementar untuk menjulang
berdiri di tanah gersang
namun jiwa tetap berani
mencari harga diri
menjejak hati nurani*

*Masih adakah lagi
luahan senyum bayu pagi
semarak bagai mentari
dalam kemelut jati diri
demi kecintaan ini*

*Aku masih di sini
menabur jasa
memertabat budaya
dan menjulang bahasa ibunda
dalam perhitungan kembara
demi kehangatan rasa
yang masih panas membara*

*Adakah lagi waktu
untuk mengumpul keikhlasan
sedang ketulusan jatuh berguguran
di celah-celah keghairahan
mencari erti ketamaddunan
dunia tanpa sempadan*

*Di sini
akan terus ku perjuang
pusaka bonda khazanah negara
walau badai terus melanda
demi budaya yang ada
akan ku pertaruhkan jiwa*



*Di sini aku bersumpah
akan ku jejak setiap inci
di bumi purba ini
dan ku kibar madah ibunda
di setiap penjuru dan jendela waktu
demi tanah pusaka
jiwa ini hanya untukmu
Malaysia oh tanah airku*

Abdul Samad Othman
Rom

16 Oktober 2016